

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR**

(KULIM BANDAR BAHARU)

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM
BANDAR BAHARU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan
sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan cadangan laporan
Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tentang penyusunan
semula 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana maklum, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
(PAC) mengenai urus tadbir syarikat 1MDB telah dibentangkan di
Parlimen pada 7 April 2016. Lanjutan daripada Laporan PAC tersebut,
Kementerian Kewangan telah menganjurkan mesyuarat penyelarasan
untuk mengambil tindakan susulan ke atas Laporan PAC, termasuk

membincangkan hal ehwal urus tadbir syarikat 1MDB. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 20 April 2016 dan melibatkan Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.